

♥18/07/13-49MST

CNS5513

R GB 18-07 00330 BA379

aab

(Ulangan - membetulkan ejaan Israel)

Mahathir - Israel

MALAYSIA TIDAK BERHAJAT TARIK BALIK PENGHARAMAN HUBUNGAN DENGAN ISRAEL

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak berhajat untuk menarik balik pengharaman hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Israel, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Di waktu ini kita belum benarkan mana-mana pihak mengadakan apa-apa hubungan perniagaan dengan Israel," kata Perdana Menteri kepada pemberita semasa diminta mengulas lawatan Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, adinda kepada Yang di-Pertuan Agung Tuanku Ja'afar, ke negara regim Zionis itu bulan lepas.

Dr Mahathir berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat Kumpulan Kerajaan dan Industri Malaysia mengenai Teknologi Tinggi di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya yang dibuat sebelum ini bahawa lawatan Tunku Abdullah adalah secara peribadi dan hanya untuk mendapat maklumat mengenai peluang perniagaan di negara itu.

Beliau juga berkata lawatan Tunku Abdullah itu bolehlah dikira salah.

Bagaimanapun beliau berkata: "Ada orang yang melawat negara itu sebelum ini tetapi kita tidak ambil tindakan. Jika kita ambil tindakan ke atasnya, kita juga kena ambil tindakan kepada semua." -- Lagi.

Mahathir - Israel 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai spekulasi sesetengah pihak kononnya terdapat "perselisihan faham" antara bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri berkata: "Jika perselisihan yang dikatakan itu benar, saya sepatutnya hari ini gelabah besar."

"Sebenarnya tidak adalah masalah," kata Perdana Menteri sambil ketawa.

"Jika nak harap semua orang bersetuju dengan semua perkara sepanjang masa, itu tidak pernah terjadi.

"Mana-mana kumpulan, mana-mana pihak antara dua orang, malah antara suami dan isteri pun, mungkin mempunyai pendapat yang berlainan. Ini semua tidak jadi masalah," katanya.

"Bukan semua hendak setuju 100 peratus. Dalam Umno pun kita tidak dapat persetujuan seperti itu pada perkara-perkara tertentu. Pasal itu kita ada mesyuarat. Jika semua setuju sahaja, tidak payah ada mesyuarat," katanya.

-- Bernama

SJA NMO

♥18/07/16-18MST